

10/03/2003

Penyelesaian isu Bukit Jeli perlu kajian teliti

KUALA LUMPUR: Isu pembahagian sempadan Malaysia-Thailand membabitkan kawasan hutan simpan Bukit Jeli di Tanah Merah, Kelantan, tidak boleh disamakan dengan pertikaian kawasan sekitar Sungai Golok yang dapat diselesaikan menerusi formula menang-menang, empat tahun lalu.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam, berkata formula itu membabitkan pertukaran satu kawasan milik negara dengan satu kawasan milik Thailand, tetapi dalam kes Bukit Jeli, pendekatan itu tidak boleh diamalkan.

Beliau berkata, penyelesaian pembahagian sempadan di kawasan Bukit Jeli itu perlu dibuat melalui kajian terperinci berdasarkan fakta penyerahan serta pembahagian wilayah kedua-dua negara.

Kasitah bagaimanapun enggan mengulas lanjut kerana Kabinet sudah membuat keputusan isu berkenaan akan dirundingkan menerusi Kementerian Luar.

"Biar peringkat tertinggi kedua-dua negara yang menyelesaikan isu pembahagian sempadan Bukit Jeli," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Isu pembahagian sempadan membabitkan kawasan seluas 42.5 hektar, yang dituntut Thailand, lebih sedekad lalu itu, dibincangkan dalam mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand di sini kelmarin, tetapi kedua-dua pihak gagal mencapai kata sepakat.

Berikutan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia dan Thailand sedang mencari formula baru bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Isu itu juga pernah dibincangkan dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatnya, Thaksin Shinawatra, Julai tahun lalu dan mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (CBC) Malaysia-Thailand ke-41 pada Mei 2001.